

E-Manual Aktiviti Bahasa Arab: Panduan Fungsi dan Aliran Kerja Minggu Bahasa

¹Mohd Islah bin Mohd Yusof, ^{*2}Mashitah binti Nordin, ³Kamaruzaman Zali Ghazali

^{1,3}Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia,

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

***Corresponding Author**

DOI: <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.925ILEIID000049>

Received: 23 September 2025; Accepted: 30 September 2025; Published: 05 November 2025

ABSTRACT

Inovasi ini membangunkan E-Manual Aktiviti Bahasa Arab: Panduan Fungsi dan Aliran Kerja Minggu Bahasa sebagai produk digital interaktif untuk memperkemas penganjuran aktiviti bahasa Arab di UiTM Negeri Sembilan. Ia dihasilkan melalui empat fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk kandungan, pembangunan digital dan ujian keberkesanan, serta menghimpunkan sembilan aktiviti utama Minggu Bahasa seperti syarahan, memasak, explorace, pertandingan ejaan, khat, kuiz, tayangan video pendek, tongue twister dan webinar. Setiap aktiviti dihuraikan secara sistematik melalui objektif, aliran kerja, dan hasil pembelajaran, manakala penggunaan visual infografik, ikon dan carta alir menjadikannya lebih mesra pengguna serta mudah diakses. Dapatan menunjukkan E-Manual ini berupaya meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga, memperkukuh motivasi pelajar, dan mengurangkan beban pengurusan pensyarah. Secara keseluruhan, inovasi ini menyumbang kepada pembangunan pendidikan bahasa Arab yang lebih kreatif, sistematik dan sejajar dengan aspirasi pendidikan digital semasa, sekali gus berpotensi dijadikan model rujukan untuk program bahasa lain di institusi pendidikan tinggi.

Keywords: E-Manual, Aktiviti bahasa Arab, Minggu Bahasa, Inovasi Pendidikan, Aliran Kerja.

PENGENALAN

Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM perlu diperkukuh melalui pelbagai pendekatan kreatif. Minggu Bahasa menjadi platform penting untuk meningkatkan minat dan penguasaan pelajar. Namun, ketiadaan panduan sistematik menyukarkan pengurusan. Oleh itu, E-Manual ini dibangunkan berasaskan Kolb's Experiential Learning Cycle yang menekankan pengalaman konkrit, refleksi, konseptualisasi dan aplikasi.

Festival Bahasa Arab dan Pameran Jualan Pelajar UiTM Kampus Seremban (2023, Bulletin APB Edisi 11) melaporkan pelaksanaan program selama lima hari yang menghimpunkan lebih 1000 pelajar dengan penglibatan pensyarah sebagai juri serta penceramah jemputan. Aktiviti merangkumi syarahan, tulisan khat, ejaan Arab dan Jawi, memasak, explorace, dan video kreatif, di samping ceramah berkaitan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab dan kesihatan mental. Festival Bahasa Arab dan Pameran. Kajian literatur terdahulu (misalnya Fauzi Azmi et al., 2020; Abdul Basir Awang & Idris Mansor, 2018) juga menegaskan bahawa kepelbagaian aktiviti ko-akademik dan autentik berupaya meningkatkan motivasi, kefahaman, dan kemahiran bahasa pelajar. Sebagai contoh, aktiviti lakon peranan (roleplay) didapati berkesan memperkukuh keyakinan bertutur, manakala aplikasi kosa kata digital seperti Mufradati menyokong penguasaan kosa kata secara interaktif.

Penyataan Masalah

Penganjuran aktiviti Minggu Bahasa Arab di UiTM Negeri Sembilan sebelum ini kurang terstruktur dan tidak disokong oleh panduan digital yang sistematik, menyebabkan kesukaran dalam penyelarasan aktiviti, peningkatan beban pengurusan pensyarah, serta keterbatasan dalam menarik minat dan motivasi pelajar. Ketiadaan satu rujukan interaktif yang komprehensif juga menyukarkan integrasi aktiviti bahasa secara efektif dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga.

Objektif

Antara objektif utama adalah sepertimana berikut:

1. Menyediakan panduan fungsi dan aliran kerja aktiviti Bahasa Arab.
2. Membangunkan E-Manual Digital Interaktif Yang Mudah Diakses.
3. Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Aktiviti, Penyertaan Pelajar Dan Prestasi Pembelajaran.
4. Mengintegrasikan Elemen Budaya, Seni, Dan Teknologi Dalam Pengajaran Bahasa Arab.

PENERANGAN PRODUK DAN METODOLOGI

Produk digital interaktif bagi Minggu Bahasa Arab ini menghimpunkan 9 aktiviti utama (syarahan, memasak, explorace, ejaan, khat, kuiz, tayangan video, tongue twister, webinar) dengan objektif, aliran kerja, hasil pembelajaran, rubrik dan borang maklum balas. Disertakan infografik, carta alir & QR Code untuk capaian mudah. Ciri Utama produk ini ialah merupakan panduan sistematik & interaktif, mesra digital (ikon, infografik, QR), holistic (pendidikan budaya dan seni), boleh dikemas kini dan diperluas serta sesuai untuk pelajar dan pensyarah.

Kajian Ini Menggunakan Model Pembelajaran Eksperiensial Kolb Yang Terdiri Daripada Empat Fasa Utama:

1. Concrete Experience (Pengalaman Konkrit)
2. Reflective Observation (Pemerhatian Reflektif)
3. Abstract Conceptualization (Konseptualisasi Abstrak)
4. Active Experimentation (Eksperimen Aktif)

Pendekatan Ini Membolehkan Penilaian Dibuat Secara Menyeluruh Terhadap Keberkesanan Aktiviti Dari Sudut Pengalaman Langsung Pelajar, Pemerhatian Terhadap Hasil, Penganalisisan Konsep, Serta Tindakan Susulan Yang Dicadangkan.

Concrete Experience – Pelaksanaan Aktiviti

Sepanjang Minggu Bahasa Arab 2025, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan penyertaan pelajar yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti ini menunjukkan wujudnya minat dan keterlibatan secara langsung dalam pembelajaran tidak formal yang menyeronokkan.

Reflective Observation – Pemerhatian Keputusan dan Korelasi

Analisis keputusan peperiksaan akhir menunjukkan 100% pelajar lulus, tanpa sebarang kegagalan. Korelasi antara penglibatan aktiviti dengan purata gred adalah seperti berikut:

- TAC401: Prestasi dominan A+ dan A. Pelajar yang aktif dalam webinar dan khat menunjukkan pencapaian tertinggi.
- TAC451: Terdapat variasi gred, namun pelajar yang menyertai tongue twister dan kuiz cenderung memperoleh gred A.

- TAC501: Majoriti memperoleh A dan A-. Aktiviti ejaan dan tongue twister memperkukuh aspek kefasihan dan ketepatan berbahasa.

Abstract Conceptualization – Rumusan Konsep Keberhasilan

Melalui pengamatan data dan pencapaian pelajar, beberapa konsep keberhasilan dapat disimpulkan:

- Keterlibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum berasaskan bahasa menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik.
- Aktiviti seperti webinar dan khat bukan sahaja meningkatkan pemahaman kandungan tetapi juga motivasi pelajar.
- Aktiviti tongue twister dan ejaan memberi impak yang lebih spesifik dalam meningkatkan kemahiran kefasihan bertutur dan ketepatan ejaan.
- Kuiz dan tontonan video memperkukuh pemahaman kosa kata dan menjadikan pembelajaran lebih interaktif.

Active Experimentation – Cadangan Penambahbaikan dan Tindakan Susulan

Berdasarkan hasil kajian dan model Kolb, berikut adalah cadangan untuk pelaksanaan masa depan:

- Reka bentuk aktiviti yang lebih berstruktur dan pelbagai mengikut aras kemahiran pelajar.
- Menggalakkan penglibatan pelajar dalam sekurang-kurangnya dua atau lebih aktiviti sepanjang program untuk memaksimumkan keberhasilan.
- Gunakan data keberhasilan aktiviti sebagai asas untuk membangunkan kurikulum sokongan yang berteraskan pembelajaran berasaskan pengalaman.
- Integrasi budaya, teknologi dan pedagogi kreatif melalui aktiviti seperti pertandingan, ceramah dan bengkel dapat memperkukuh pembelajaran bahasa Arab secara holistik.

Setiap Aktiviti Yang Sedang Atau Akan Dijalankan Perlu Diukur Dari Segi Objektif, Aliran Kerja Dan Keberhasilan Aktiviti Tersebut Bagi Memastikan Ianya Dijalankan Secara Efektif. Berikut Adalah Carta Alir Yang Berkaitan:

Jadual 1 Carta alir aktiviti bahasa Arab

Aktiviti	Objektif	Aliran Kerja	Hasil
Svaraban	Pendedahan tentang kepentingan bahasa Arab.	Penceramah → Pelaksanaan → Soal jawab.	Kesedaran meningkat.
Memasak	Mengenali kosa kata makanan & budaya.	Menu → Demonstrasi → Merasa.	Penguasaan kosa kata makanan.
Explorace	Menggabungkan bahasa & cabaran.	Stesen → Pelaksanaan → Penilaian.	Kerjasama & kosa kata.
Ejaan	Menyuisi ejaan perkataan Arab.	Senarai → Pusingan awal → Akhir.	Literasi tulisan meningkat.
Khat	Menggalakkan seni tulisan Arab.	Bengkel → Pertandingan → Pameran.	Minat terhadap khat.
Kuiz	Menyuisi tatabahasa & budaya.	Soalan → Jawapan → Penilaian.	Pengetahuan bahasa meningkat.
Video	Pendedahan budaya & sebutan.	Tayangkan → Refleksi.	Kemahiran mendengar meningkat.
Tongue Twister	Latih kelancaran sebutan.	Frasa → Pertandingan.	Kelancaran pertuturan.
Webinar	Perkongsian ilmu pakar.	Jemputan → Promosi → Sesi soal jawab.	Luasan pengetahuan.

Kajian yang dijalankan melibatkan seramai 1,163 pelajar yang terdiri daripada 322 pelajar (TAC401), 334 pelajar (TAC451), dan 507 pelajar (TAC501). Analisis keputusan peperiksaan menunjukkan kesemua pelajar berjaya mencapai tahap lulus sepenuhnya (100%). Walaupun terdapat variasi pencapaian mengikut gred dan tiada pelajar yang gagal (0%).

Dari aspek penglibatan aktiviti Minggu Bahasa 2025, penyertaan tertinggi direkodkan dalam kuiz bahasa Arab (78%), diikuti tontonan video (72%), webinar (65%), dan Arabic Tongue Twister (62%). Aktiviti ejaan (60%) dan khat (55%) menunjukkan penyertaan sederhana. Data menunjukkan pelajar yang aktif menyertai lebih

daripada dua aktiviti cenderung memperoleh purata gred yang lebih tinggi berbanding mereka yang kurang terlibat.

Jadual 1 Analisis Gred Akhir Dan Penglibatan Aktiviti Minggu Bahasa 2025

Kursus	Bilangan Pelajar	Gred Tertinggi	Gred Tinggi	Gred Sederhana/Rendah	Kuiz	Ejaan	Khat	Webinar	Tongue Twister	Tontonan Video
TAC401	322	A+ (14)	A (108)	A- (84)	29	31	39	82	16	72
TAC451	334	A+ (10)	A (88)	C (69)	29	31	39	82	16	72
TAC501	507	-	A (51)	A- (72)	29	31	39	82	16	72

Semua bilangan penglibatan aktiviti adalah dari sampel kajian dan menggambarkan jumlah peserta yang mengambil bahagian dalam setiap aktiviti Minggu Bahasa 2025. Oleh itu, Interpretasi adalah seperti berikut:


Hubungan Gred dan Aktiviti

Kursus TAC401 menunjukkan pencapaian gred tinggi (A+ dan A) yang dominan. Penglibatan aktif dalam webinar dan khat berkorelasi dengan prestasi yang lebih baik. TAC451 memperlihatkan variasi gred, namun peserta yang terlibat dalam tongue twister dan kuiz cenderung memperoleh gred A. TAC501 majoritinya mencapai gred A dan A-, penglibatan dalam ejaan dan tongue twister memberi kesan positif terhadap kefasihan bertutur dan ketepatan ejaan.

Impak Aktiviti

Aktiviti webinar dan khat menunjukkan penglibatan paling tinggi, memberi impak langsung kepada pencapaian akademik dan motivasi pelajar. Aktiviti tongue twister dan ejaan walaupun penyertaan lebih rendah, memberi sumbangan spesifik dalam kefasihan dan ketepatan bahasa. Kuiz dan tontonan video meningkatkan pemahaman kosa kata dan motivasi belajar.

Secara keseluruhan, jadual ini membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum berasaskan bahasa mempunyai kesan positif terhadap prestasi akademik dan penguasaan bahasa Arab secara menyeluruh.



Rajah 1 Graf visual purata gred setiap kursus dan bilangan pelajar yang menyertai aktiviti Minggu Bahasa 2025.

- Bar biru: Purata gred bagi TAC401, TAC451, dan TAC501 (A+ = 4.3, A = 4.0, A- = 3.7, C = 2.0).

- Garis hijau: Bilangan peserta yang menyertai aktiviti seperti kuiz, ejaan, khat, webinar, tongue twister, dan tontonan video.

Graf ini adalah korelasi antara penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum dengan prestasi akademik. Justeru itu, dapatan artikel ini mengukuhkan pandangan bahawa festival atau program berstruktur yang menggabungkan pertandingan, ceramah, dan pameran bukan sahaja merangsang minat pelajar tetapi juga membuka ruang untuk integrasi budaya, teknologi, dan pedagogi kreatif dalam pembelajaran bahasa Arab di institusi pengajian tinggi.

Dapatan kajian membuktikan bahawa aktiviti yang dilaksanakan dengan objektif yang jelas, aliran kerja yang tersusun, serta keberhasilan yang boleh diukur akan membawa impak positif terhadap prestasi pelajar dan penguasaan bahasa Arab. Penerapan Kolb's Experiential Learning Cycle sebagai kerangka metodologi memperkukuh analisis, membolehkan kajian ini bukan sahaja menilai keberkesanan program sedia ada, tetapi juga membina asas untuk reka bentuk program bahasa yang lebih efektif di masa hadapan.

POTENSI DAN PENGKOMERSILAN

Produk ini berpotensi digunakan di sekolah, universiti, pusat bahasa, dan agensi latihan. Ia boleh dikomersialkan dalam bentuk PDF interaktif atau aplikasi mudah alih. Inovasi ini berbentuk digital interaktif, holistik, sistematik, serta sesuai untuk pelajar dan pensyarah.

Inovasi E-Manual Aktiviti Bahasa Arab: Panduan Fungsi dan Aliran Kerja Minggu Bahasa membawa pelbagai impak signifikan terhadap pelajar, pensyarah, institusi, serta komuniti akademik dan masyarakat. Dari sudut pelajar, ia meningkatkan motivasi, penguasaan kosa kata, serta keyakinan dalam berbahasa Arab melalui aktiviti autentik dan interaktif. Dari aspek pensyarah, E-Manual berperanan sebagai panduan rasmi yang menyelaraskan penganjuran aktiviti, sekali gus mengurangkan beban pengurusan dan membolehkan pensyarah memberi fokus kepada aspek pedagogi. Bagi institusi, produk ini memperlihatkan komitmen terhadap inovasi dan kualiti pengajaran bahasa dengan menonjolkan pendekatan bersepadu antara pendidikan, budaya, seni, dan teknologi.

Sumbangan inovasi ini juga terserlah dari tiga dimensi utama. Akademik, ia berfungsi sebagai rujukan ilmiah dalam pengajaran bahasa Arab, di samping berpotensi disepadukan dengan kajian tindakan serta penyelidikan lanjutan. Ekonomi, ia mempunyai nilai tambah melalui penerbitan komersial atau model langganan digital, sekali gus memberi peluang menjana pendapatan institusi. Sosial dan budaya, inovasi ini memperkaya pemahaman pelajar terhadap budaya Arab-Islam melalui aktiviti seni, komunikasi dan interaksi global, yang menyumbang kepada pembentukan identiti akademik dan sahsiah yang seimbang.

Novelti

E-Manual ini berbeza kerana dibangunkan dalam format digital interaktif dengan infografik, ikon visual, carta alir, dan PDF mesra pengguna. Ia mendokumentasikan sembilan aktiviti utama secara sistematik serta menggabungkan elemen pendidikan, budaya, seni, komunikasi, dan teknologi.

E-Manual ini menggabungkan pendidikan, teknologi, dan budaya untuk memperkemas Minggu Bahasa. Ia meningkatkan motivasi pelajar, memudahkan pensyarah, serta menyokong aspirasi pendidikan digital. Produk ini boleh diperluas penggunaannya ke institusi lain.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada UiTM Cawangan Negeri Sembilan, pensyarah, pelajar TAC401, TAC451 dan TAC501, serta pasukan pembangunan atas sumbangan dalam merealisasikan E-Manual Aktiviti Bahasa Arab ini. Semoga inovasi ini memberi manfaat kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa secara digital dan sistematik.

RUJUKAN

1. Awang, A. B., & Ismail, U. S. (2018). Faktor kepenggunaan kinayah dalam al-Quran al-Karim. *e-Academia Journal*, 7(1), 171–180.
2. Bloom, B. S. (1968). Learning for mastery. *Evaluation Comment*, 1(2), 1–12.
3. Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). Self-determination theory. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
4. Dörnyei, Z. (2001). *Motivational strategies in the language classroom*. Cambridge University Press.
5. Ellis, R. (2003). *Task-based language learning and teaching*. Oxford University Press.
6. Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning*. Prentice Hall.
7. Salim, N. R., & Mansor, I. (2018). Training and teaching of Arabic translation course in IPG: Perspectives of trainees and trainers. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(4), 364–375.
8. Zakaria, M. F., & Muhammad Nawawi, M. A. A. (2020). Factors of tendency on students' interest towards Arabic language: A study at Management and Science University. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(4), 92–100.
9. Zawacki-Richter, O. et al. (2019). AI in higher education. *IJETH*, 16(39), 1–27.